

25 JANUARI 2018

Bekas penguat kuasa AADK, rakan kekal dijel, denda

Bekas penguat kuasa AADK, rakan kekal dijel, denda

Oleh NORLIDA AKMAR IDROS

ALOR SETAR - Mahkamah Tinggi di sini semalam menolak rayuan bekas penguat kuasa Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) dan rakan-nya, seorang ejen pelancongan selepas didapati bersalah atas tiga pertuduhan rasuah, lima tahun lalu.

Kedua-dua tertuduh, Ezli Efficuddin Chik, 32, dan rakan sebayanya, Mohd. Amzar Hashimi masing-masing sebelum ini dijatuhi hukuman penjara 15 tahun dan denda RM35,000.

Pesuruhjaya Kehakiman, Abu Bakar Katar pada prosiding semalam menolak rayuan kedua-dua tertuduh dan seterusnya mengekalkan hukuman yang dijatuhkan Mahkamah Sesyen di sini



EZLI EFIFUDDIN



MOHD. AMZAR

pada 4 September 2016.

Ezli Efficuddin yang sebelum ini bertugas di AADK Cawangan Langkawi dan Mohd. Amzar dijatuhi hukuman penjara lima tahun dan denda RM15,000 bagi pertuduhan pertama dan penjara lima tahun dan denda RM10,000 bagi setiap pertuduhan kedua dan ketiga.

Hukuman penjara itu dipertahankan berjalan secara serentak.

Kedua-dua tertuduh dalam pertuduhan pertama didakwa dengan niat bersama meminta suapan wang tunai RM3,000 daripada Mohammed Sharif Abdul Aziz Bhagad sebagai dorongan agar tidak mengambil tindakan terhadapnya kerana ujian saringan air kencing positif dadah di Restoran Lazeez, 135 Kompleks Kelana Mas, Kuah, Langkawi dekat sini pada pukul 9 malam, 23 Jun 2013.

Bagi pertuduhan kedua, mereka dengan niat bersama didakwa menerima suapan RM1,200 daripada Syed Fakhrymoin Chisty atas dorongan sama pada pukul 9.10 malam di tempat dan tarikh sama.

Mereka turut didakwa dengan niat bersama menerima suapan wang tunai RM1,800 daripada Mohammed Sharif atas dorongan sama di Lot 91,92 dan 93 Persiaran Muhiara 2, Pusat Perdagangan dan Pelancongan Kelana Mas, Kuah Langkawi pada pukul 2.40 petang, 2 Julai 2013.

Peguam, Rasmadi Abdul Rasid yang mewakili Ezli Efficuddin memohon penangguhan terhadap hukuman penjara tersebut bagi melakukan rayuan di Mahkamah Rayuan di Putrajaya dan permohonan sama turut dilakukan Mohd. Amzar yang tidak diwakili peguam.

Mahkamah membenarkan permohonan tersebut dan memerintahkan notis rayuan diserahkan sebelum pukul 10 pagi hari ini.